

- **SIARAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

Fesyen terbaru sambutan Aidil Fitri di Plaza Alam Sentral

Shah Alam, 18 Julai, 2014 – Kerancakan dan kemeriahannya suasana membeli-belah amat dirasai di Plaza Alam Sentral tahun ini ekoran sambutan luar biasa daripada pengunjung mahu pun peniaga-peniaga yang mula bermula pada awal Ramadhan.

Berkonsepkan “Raya Moden”, bazar Ramadhan ini ditempatkan di ruang legar, aras bawah Plaza Alam Sentral dan bermula daripada 27 Jun sehingga 27 Julai 2014. Setakat ini sehingga 30,000 pengunjung sehari dianggarkan membeli-belah di bazar tersebut dan jumlah ini mencapai 50,000 di hujung minggu.

Seramai 45 peniaga telah turut serta di dalam bazar Ramadhan pada kali ini dengan masing-masing menawarkan produk musim perayaan Aidil Fitri seperti pakaian tradisional wanita dan pakaian baju Melayu lelaki dan kanak-kanak. Harga yang ditawarkan adalah berpatutan untuk menyambut Syawal yang menjelang tiba.

Bersesuaian dengan konsep Raya Moden bazar kali ini, beberapa peniaga baju kurung wanita telah dilihat menampilkan rekaan-rekaan yang diberi nafas baru dengan potongan yang lebih menarik dan segar.

Bazar yang dibuka sepanjang waktu perniagaan Plaza Alam Sentral daripada 10.00 pagi sehingga 10.00 malam, juga menawarkan lain-lain keperluan Hari Raya seperti beraneka tas tangan wanita, perhiasan pakaian lelaki dan wanita, telekung, songkok, samping, kasut dan capal tradisional, minyak wangi berbagai haruman dan kuih-muih pelbagai citarasa.

Daripada mukasurat 1

Orang ramai dijemput datang beramai-ramai ke Bazar Ramadhan/Aidil Fitri dan membeli belah beranika jenis fesyen baju kurung dan baju melayu yang serba indah dan cantik.

Sebanyak 1,300 kemudahan ruang letak kereta disediakan dengan bayaran hanya RM2 sekali masuk pada hari Ahad dan cuti umum, sementara bayaran RM2 bagi jam pertama dan RM1 bagi setiap jam seterusnya dikenakan pada hari Isnin sehingga Sabtu.

Selain daripada Bazaar Ramadhan yang terletak di ruang legar, kedai-kedai yang terdapat di tingkat-tingkat atas di Kompleks Plaza Alam Sentral tidak ketinggalan mengadakan promosi menarik membeli-belah. Ini secara langsung menawarkan banyak pilihan kepada pengunjung memenuhi keperluan hari raya untuk individu dan keluarga.

Beberapa restoran masakan tempatan dan makanan segera juga bersedia menerima kedatangan pengunjung untuk berbuka puasa sewaktu membeli belah. Kemudahan surau yang terletak di tingkat 5 memudahkan melaksanakan solat.

"Datanglah membeli-belah di Plaza Alam Sentral kerana kami menawarkan pelbagai promosi menarik sempena Aidil Fitri dengan tawaran harga yang rendah," kata Norzaini Abdul Ghani, Pengurus Besar Kompleks Plaza Alam Sentral.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat tentang bazar Ramadhan ini, anda boleh menghubungi terus Norzaini di tel: 012-7185561.

-tamat-

Mengenai Plaza Alam Sentral

Plaza Alam Sentral adalah destinasi membeli-belah digemari ramai di Shah Alam dengan ruang sewa seluas lebih 430,000 kaki persegi. Plaza Alam Sentral menyediakan pengalaman membeli-belah yang menawan untuk pengguna di Shah Alam dan di selatan Lembah Klang, termasuk Petaling Jaya, Subang, Puchong dan Klang. Ia menjadi pusat kunjungan bagi seisi keluarga dan merupakan destinasi popular hujung minggu, dan turut menjadi tumpuan pelbagai jenama yang diminati ramai.

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi:-

Puan Mohaini bt Mohd Yusof,
Ketua, Pengurus Besar, Komunikasi Korporat
Tel. no: 03-27868034, 03-27868035 or 019-2678727 (h/p)
